



PARLIMEN

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN
KEDUABELAS 2011**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARIKHAMIS : 24 NOVEMBER 2011

**CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO.
5,10 HINGGA 41)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

**Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARI PAD A

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH

24.11.2011 (KHAMIS)

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah status bagi langkah melarang pembelian gula bersubsidi oleh semua pihak industri termasuk kecil dan sederhana, terutama kepada syarikat makanan dan minuman berskala besar dan hasil penjimatan yang telah dicapai melalui langkah tersebut setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli dewan yang mulia, penstrukturan semula pemberian subsidi gula kepada industri makanan dan minuman berskala besar secara berperingkat-peringkat telah dilaksanakan kepada 13 syarikat pada 1 Januari 2011 bagi mengurangkan tanggungan bebanan Kerajaan. Langkah ini adalah wajar bagi memastikan peruntukan yang disediakan mencukupi untuk menampung subsidi gula kepada pengguna domestik selain melaksanakan liberalisasi subsidi gula secara berperingkat.

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk liberalisasi subsidi, Kerajaan telah memutuskan untuk mengecualikan 13 syarikat makanan dan minuman berskala besar yang purata penggunaan gula melebihi 500 metrik tan sebulan daripada membeli gula bersubsidi. Pelaksanaan pengecualian pembelian gula oleh industri berskala besar ini telah memberikan penjimatan kepada Kerajaan sebanyak RM 128 juta setahun.

Cadangan penarikan semula pembelian gula bersubsidi kepada semua pihak industri termasuk industri kecil dan sederhana akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat supaya tidak membebankan pihak industri yang akhirnya akan membebankan pengguna akibat peningkatan harga produk akhir.

Walaupun, Kerajaan melalui MITI telah membuka Permit Import (AP) kepada syarikat-syarikat besar yang tidak mendapat gula bersubsidi untuk mengimport gula dari luar negara bagi tujuan kegunaan pengeluaran produk sendiri.

SOALAN 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI [TANAH MERAH]
TARIKH 24 NOVEMBER 2011
SOALAN Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan :

Adakah Kementerian bercadang menjadikan Jambatan Kereta Api Guillemard di Kusial Tanah Merah sebagai tempat kunjungan pelancong dan warisan sejarah yang perlu dijaga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tanah Merah, Kementerian Pelancongan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan di kawasan-kawasan pelancongan yang berpotensi untuk dimajukan bagi menarik lebih ramai kedatangan pelancong. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kementerian ini telahpun menyalurkan peruntukan bagi membina papan tanda penerangan pelancong di Jambatan Kereta Api Guillemard tersebut.

Kementerian ini juga sentiasa mempromosikan produk pelancongan bersejarah seperti jambatan ini dalam menarik kedatangan pelancong ke Kelantan termasuk yang terdapat di daerah Tanah Merah.

SOALAN NO: 11

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

LISAN

PERTANYAAN

DARI PAD A

**YB. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI
MAHAL [LABUAN]**

TARIKH

KHAMIS, 24 NOVEMBER 2011

RUJUKAN

16 [PR-1243-L46331]

SOALAN

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan tindakan yang telah dan yang akan dilakukan oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi di kawasan kampung di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) melalui Perbadanan Labuan sememangnya memberi tumpuan kepada pembangunan di Wilayah Persekutuan Labuan termasuk di kawasan-kawasan kampung. Bagi penyediaan lampu-lampu jalan kampung di Wilayah Persekutuan Labuan, terdapat lebih 1,000 unit lampu jalan (jalan berkonkrit) di 27 buah kampung di Wilayah Persekutuan Labuan. Penyelenggaraan lampu-lampu jalan tersebut dibuat di bawah peruntukan pembangunan kampung-kampung.

Bagi melancarkan lagi pengurusan penyelenggaraan tersebut, Perbadanan Labuan juga turut melantik kontraktor penyelenggaraan secara tahunan. Kerja-kerja penyelenggaraan ini dibuat secara kaedah menerima aduan orang awam serta pemeriksaan hasil rondaan pihak kontraktor serta Perbadanan Labuan dari masa ke semasa. Setiap aduan yang lengkap akan diambil tindakan dengan segera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain dari itu, Perbadanan Labuan juga turut menyediakan lampu-lampu jalan dengan menggunakan teknologi hijau melalui penggunaan tenaga solar di jalan-jalan kampung, tanah perkuburan, balai raya dan

2

surau-surau kampung. Sebanyak 25 batang tiang lampu solar telah siap dilaksanakan untuk fasa pertama dan sekarang memasuki fasa kedua yang akan dipasang sebanyak 20 batang tiang lampu lagi. Manakala,

fasa ketiga sedang di peringkat penilaian untuk memasang sebanyak 20 batang lampu lagi.

Masalah lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi di sesetengah kampung-kampung di Wilayah Persekutuan Labuan sekarang adalah disebabkan oleh kerja-kerja pelebaran jalan yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Saya percaya perkara ini akan dapat diatasi setelah kerja-kerja tersebut disiapkan dan projek penyediaan lampu-lampu jalan di kawasan- kawasan kampung oleh Perbadanan Labuan siap sepenuhnya.

SOALAN NO

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED

KAWASAN

HASHIM BAYAN BARU

TARIKH

24 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

**Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN BIN MOHAMED
HASHIM [BAYAN BARU]** minta **MENTERI KERJA RAYA**
menyatakan apakah langkah Kementerian untuk mengelakkan berlakunya
kesesakan jalan raya dari Jambatan Kedua ke Jambatan Pulau Pinang di
FTZ (laluhan Batu Mating ke Jambatan Pulau Pinang) selepas tamat
pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum akan kesesakan yang dijangka akan berlaku di jalan raya dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang selepas tamat pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Sehubungan itu, kementerian telah mengenalpasti Projek Menaiktaraf Bayan Lepas Expressway dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang (FT3113) sebagai antara projek yang berkeutamaan tinggi untuk dilaksanakan dalam RMKe-10. Kos projek ini telah dianggarkan sebanyak RM226.1 juta dengan skop projek seperti berikut:

- (i) menaiktaraf Lebuhraya Bayan Lepas dari Batu Maung menuju ke Jambatan Pulau Pinang sepanjang 4.5 kilometer dari 4 lorong dua hala kepada 6 lorong dua hala;
- (ii) pembinaan 2 *elevated* U-turn di antara persimpangan bertingkat Sungai Nibong ke Persimpangan Batu Maung;
- (iii) pelebaran tiga buah jambatan dari 4 lorong dua hala kepada 6 lorong dua hala di Sg. Kluang, Sg. Tiram dan jambatan di satu perparitan utama; dan
- (iv) Pembinaan 2 *directional ramp* di persimpangan jalan Sg. Kluang dan persimpangan Batu Maung.

Projek ini telah diluluskan bagi tujuan reka bentuk dalam *rolling plan* kedua, RMKe-10 dan pihak Kementerian akan berusaha berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan dalam RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

SOALAN 13

**PEMBERITAHUAN
RAKYAT**

PERTANYAAN DEWAN

LISAN

DARIPADA PERTANYAAN

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM

TARIKH [ARAU]

SOALAN 24 NOVEMBER 2011

Meminta

MENTERI

PELANCONGAN menyatakan:

Usaha yang dibuat oleh Kementerian dalam membasmi konsep penginapan yang mementingkan Homestay haram yang jelas bertentangan dengan konsep Homestay

sebenar.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Arau, Kementerian Pelancongan telah menetapkan kriteria dan standard bagi pendaftaran sesebuah Homestay dengan Kementerian Pelancongan bagi memastikan faedah-faedah diperolehi secara maksimum oleh pengusaha Homestay tersebut.

Homestay yang berdaftar dengan Kementerian ini mempunyai ciri-ciri dan kelebihan seperti berikut:

- i. Setiap rumah Homestay dipasangkan dengan plak/logo Pengalaman Homestay Malaysia;
- ii. Para Pelancong diberi jaminan keselamatan, kebersihan dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan;
- iii. Pengusaha diberi latihan dan kursus Homestay seperti Kursus Asas Homestay dan Kursus-Kursus di bawah *Malaysia Welcomes the World (MWW)*;
- iv. Homestay tersebut akan dipromosikan di dalam dan luar negara dengan melibatkan para pengusaha Homestay menyertai seminar, pameran, *roadshow*

dan *travel mart*;

- v. Pengedaran brosyur-brosyur Homestay serta promosi Homestay menerusi laman web www.go2homestav.com serta aplikasi telefon bimbit seperti telefon bimbit seperti Blackberry, iPhone dan Android oleh pihak Kementerian; dan
- vi. Mendapat peluang untuk Perkampungan Homestay tersebut diberi peruntukkan menaik taraf kemudahan infrastruktur Homestay seperti dewan serbaguna, pembinaan pentas kebudayaan, pemasangan papan tunjuk arah Homestay dan lain-lain.

Sehingga 31 Ogos 2011, Kementerian Pelancongan telah mendaftarkan sebanyak **148 buah Homestay** di seluruh negara yang melibatkan **3,155 pengusaha Homestay** dan menawarkan sebanyak **4,210 buah bilik** kepada para pelancong. Kementerian ini juga telah mengesan sebanyak **373 buah Homestay** yang tidak berdaftar dengan Kementerian ini.

Namun begitu, bagi menangani masalah Homestay-Homestay yang tidak berdaftar dan memenuhi

standard/kriteria yang ditetapkan, Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Berkerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi membantu mengawal penggunaan istilah Homestay. Pihak SSM telah menetapkan syarat bahawa sesebuah syarikat dan perniagaan yang mengemukakan permohonan menggunakan nama Homestay hanya akan dipertimbangkan sekiranya disertakan dengan surat kebenaran atau surat sokongan dari Kementerian Pelancongan;
- ii. Meminta agensi-agensi pelancongan khususnya antarabangsa hanya memilih Homestay-Homestay yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan;
- iii. Hanya mempromosikan Homestay-Homestay yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan sahaja; dan
- iv. Kementerian ini sedang dalam proses menyediakan "*trade mark*" logo Homestay bagi membezakan Homestay yang berdaftar dan tidak berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan.

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN**

NO SOALAN :

RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOONCHYE
(GOPENG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.11.2011

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang isi rumah (household debts) mengikut jenis hutang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang isi rumah merangkumi pemberian pinjaman daripada sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan, Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan dan syarikat insurans. Sehingga akhir Ogos 2011, hutang isi rumah di Malaysia berjumlah RM626.3 bilion. Komponen hutang isi rumah yang terbesar adalah untuk pinjaman bersandarkan aset iaitu pembelian harta kediaman dengan nilai RM281.6 bilion, yang merangkumi 45% daripada jumlah keseluruhan hutang manakala untuk pembelian kenderaan pengangkutan pula RM119.8 bilion atau 19%. Hutang pinjaman peribadi berjumlah RM93.9 bilion dan meliputi 15% daripada jumlah keseluruhan hutang dan penggunaan kad kredit berjumlah RM32.2 bilion atau 5.1%. Hutang isi rumah untuk pinjaman pembelian harta bukan kediaman pula merangkumi 7.4%, pembelian sekuriti 5.3% dan bagi tujuan lain 3.1%.

2. Pada masa yang sama, kedudukan nisbah aset kewangan kepada jumlah hutang isi rumah adalah lebih dua kali ganda di peringkat agregat dan mampu menyediakan penampakan yang selesa untuk menyokong keupayaan isi rumah membayar balik hutang. Selain itu, peningkatan hutang isi rumah ini turut disokong oleh keadaan ekonomi yang terus berkembang, peningkatan pendapatan isi rumah, keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan paras simpanan yang tinggi.

3. Bagi memastikan sektor isi rumah kekal berdaya tahan dan memastikan tahap keberhutangan berada pada paras yang mampan, beberapa strategi telah diambil. Antaranya ialah:

i. Mengenakan syarat yang lebih ketat bagi pemilikan kad kredit;

ii. Memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda! (POWER!), yang bertujuan meningkatkan tahap pemahaman ilmu kewangan dan kemahiran bagi peminjam baru dan golongan muda; dan

iii. Menyediakan khidmat nasihat dan pertolongan dalam menguruskan kredit dan kewangan kepada peminjam, serta menstruktur semula hutang mereka dengan pihak bank melalui Agensi Kauseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

4. Selain itu, penetapan standard pemberian pinjaman yang lebih bertanggungjawab oleh institusi perbankan juga dilaksanakan dengan menggalakkan amalan yang konsisten dalam penilaian kapasiti individu untuk membayar balik hutang sebelum kemudahan pembiayaan tersebut diberikan serta memastikan produk kewangan yang ditawarkan menepati keperluan mereka.

Tuan Yang Di-Pertua,

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, arah aliran dan

perkembangan pinjaman kepada sektor isi rumah termasuk pinjaman bagi rumah kediaman akan sentiasa dipantau dan Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang berpatutan dan keupayaan bayar balik hutang kekal teguh.

SOALAN : 15

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. TUAN MASIR ANAK
KUJAT
(SRI AMAN)**

TARIKH

24 NOVEMBER 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk membina dewan masyarakat di Pekan Kecil Pantu dalam RMK-10.

NO SOALAN :

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian masih belum menerima permohonan berhubung pembinaan Dewan Masyarakat di Pekan Kecil Pantu. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan pada 2012 tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan.

PEMBERITAHUAN

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT,

MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI KAMARUDIN BIN JAFFAR
(TUMPAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.11.2011

Y.B. DATO¹ HAJI KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah hutang terkini Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, hutang Kerajaan Negeri yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM18.4 bilion. Pinjaman tersebut bertujuan untuk membiayai projek-projek pembangunan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat seperti projek-projek bekalan air, pembedungan dan perumahan. Pecahan hutang bagi setiap Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Kerajaan Negeri	Jumlah (RM Juta)
1.	Kedah	3,110.16
2.	Sabah	2,627.68

NO SOALAN :

3.	Pahang	2,458.69
4.	Sarawak	2,143.65
5.	Selangor	1,661.04
6.	Terengganu	1,447.86
7.	Kelantan	1,210.48
8.	Perak	941.71
9.	Pulau Pinang	839.55
10.	Melaka	830.59
11.	Negeri Sembilan	482.20
12.	Perlis	339.46
13.	Johor	291.57
	Jumlah	18,384.65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]

TARIKH

24 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilakah Kerajaan akan mendirikan menara-menara komunikasi di kawasan pedalaman Sarawak khususnya di Bahagian Limbang untuk memudahkan penduduk di kawasan pedalaman menerima siaran televisyen, radio serta liputan telefon.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membolehkan masyarakat di kawasan pedalaman menikmati perkhidmatan telefon selular, Kerajaan kini sedang melaksanakan *Program Time 3*. Objektif utama program ini adalah untuk memperluaskan liputan perkhidmatan selular dengan tumpuan kepada kawasan pedalaman dan luar bandar di seluruh negara.

SOALAN : 18

Sebanyak 6 menara baru yang terletak di Bahagian Limbang akan dibina di bawah program ini. Dengan pembinaan menara-menara ini, masyarakat di kawasan-kawasan seperti Kubong, Kampung Belimbing, Merasam serta kawasan berhampiran dijangka akan dapat menikmati kemudahan telefon selular apabila pelaksanaan *Program Time 3* di kawasan tersebut siap dilaksanakan menjelang akhirtahun 2012.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT

PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

MALAYSIA

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN MOHD. NASIR BIN

ZAKARIA

(PADANG

TERAP)

TARIKH

24 NOVEMBER 2011

SOALAN

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan penyelesaian terhadap peserta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) yang mendiami perumahan KEDA Pong Selatan dan Kampung Bagan.

SOALAN NO: 17

- (a) Harga rumah sebenar yang perlu dibayar; dan
- (b) Hak milik yang sah selepas pembayaran selesai di buat oleh peserta.

**Jawapan : Tuan
Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, KEDA sentiasa berurusan dengan Pihak Pentadbir Negeri mengenai isu-isu yang di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri terutamanya berkaitan dengan isu tanah dan pemberian hakmilik. Status sebenar penyelesaian adalah seperti berikut :

- (a) Harga rumah sebenar yang perlu dibayar oleh peserta penempatan KEDA adalah seperti di bawah:
 - (i) perumahan KEDA Pong Selatan: RM16,500/unit; dan
 - (ii) perumahan KEDA KampungBagan: RM18,300/unit.

Kedua-dua nilai adalah berbeza kerana harga sebenar rumah adalah tertakluk kepada keluasan lot yang ditawarkan atau didiami oleh peserta.

- (b) Hakmilik yang sah akan dikeluarkan kepada peserta sebaik sahaja pembayaran penuh selesai dibuat oleh peserta kepada KEDA. Bagi kedua-dua kampung ini, penyelesaian hak milik untuk peserta yang telah membuat bayaran penuh sedang diproses oleh Pejabat Tanah dan Daerah Padang Terap.

PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN-
PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]

TARIKH

24 November 2011 (Khamis)

SOALAN

Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi menggalakkan syarikat milik Kerajaan (GLC) untuk terlibat secara serius dalam sektor pertanian negara, khususnya menghasilkan bahan makanan berskala besar agar mampu menampung permintaan yang terus meningkat dan sekali gus merealisasikan tuntutan “food security” negara.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menggalakan penglibatan syarikat milik Kerajaan (GLC) dalam sektor pertanian negara khususnya dalam pengeluaran bahan makanan, Kerajaan melaksanakan beberapa langkah berikut iaitu:-

- I. Penyediaan kawasan untuk melaksanakan projek-projek pertanian secara berskala besar termasuk penyediaan kemudahan infrastruktur lengkap sebagai contoh penubuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi seperti Zon Industri Akuakultur (ZIA), Pusat Fidlot Nasional, Ladang Kontrak, Pembangunan Usahawan Asas Tani dan projek-projek khas di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi sektor Pertanian;

- II. Mengalakkan penggunaan teknologi moden mekanisasi dan automasi bagi meningkatkan pengeluaran.
- III. Melaksanakan penyelidikan bagi menghasilkan varieti baru. Sebagai contoh Mardi menghasilkan benih padi iaitu MR 220CL1 dan MR220CL2 hasil kacukan di antara IMI-TR 1770 dan MR 220 bagi mengatasi masalah padi angin yang dilaksanakan oleh FELCRA dengan kerjasama BASF Sdn. Bhd. dan MARDI;
- IV. Menjadikan syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) sebagai rakan strategik untuk pelbagai konsultasi dan pelaksanaan program seperti promosi dalam dan luar negara serta temusuai perniagaan (*business matching*) bagi pembangunan industri agro-makanan negara; dan
- V. Insentif pelaburan iaitu pelepasan cukai di bawah peruntukan seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

: Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]

TARIKH

: 24 November 2011

SOALAN

: Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah Malaysia masih berdepan dengan cabaran 'keselamatan makanan' (food security). Apakah Kementerian masih berperang dengan pendekatan 'mengimport beras adalah lebih murah, dari segi kos, berbanding menanam padi sendiri'. Sekiranya jawapan adalah positif, bukannya pendekatan ini mempunyai risikonya yang tersendiri

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Malaysia memang memandang serius terhadap keselamatan makanan berikutan peningkatan kos sara hidup yang dihadapi. Usaha-usaha yang dijalankan bagi menjamin pengeluaran makanan negara berada pada tahap optimum adalah seperti berikut:

- (i) Meneruskan pelaksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industry Aquaculture (ZIA), National Feedlot Center (NFC), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani serta projek-projek di bawah National Key Economic Area(NKEA) Pertanian bagi meningkatkan pengeluaran sektor tanaman, ternakan dan perikanan;**
- (ii) Membangunkan tanah pertanian secara optimum dengan tanaman selingan singkat masa;**

- (iii) Membangunkan sistem rantai bekalan makanan yang lebih terangkum dan kukuh dengan penglibatan Kerajaan, swasta serta petani, penternak dan nelayan;
- (iv) Menumpukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada pengeluaran makanan secara mampan termasuklah pembangunan varieti dan baka; dan
- (v) Meningkatkan penglibatan pihak swasta menerusi galakan pelaburan untuk menambah kapasiti pengeluaran dan sistem pengeluaran berteknologi tinggi.

Dari segi import beras, Kerajaan hanya mengimport beras bagi menampung kekurangan sebanyak 30% daripada keperluan beras dalam negara dan dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran beras negara, Kementerian terlebih dahulu merancang untuk mencapai SSL 88% menjelang 2015. Tumpuan akan diberikan pada peningkatan hasil memenuhi Amalan Pertanian Baik dan pengurusan komersial penanaman padi melalui pelaksanaan langkah jangka pendek/serhana dan jangka panjang seperti berikut:

Langkah Jangka Pendek/Sederhana:

- i) Pengenalan varieti baru seperti MR253, MR220CL1 dan MRQ74;
- ii) Pengurusan input seperti baja, racun dan kapur yang lebih berkesan;
- iii) Penggunaan jentera atau mekanisasi besar/kecil; dan
- iv) Penyelenggaraan dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saluran.

Langkah jangka panjang bagi meningkatkan produktiviti tanaman padi sehingga tahun 2020 adalah melalui pelaksanaan program-program di bawah NKEA Pertanian iaitu di bawah Entry Point Project (EPP) 10 dan EPP 11. Untuk makluman, program-program ini yang bertujuan memperbaiki kaedah pengurusan tanaman padi telahpun dimulakan sejak tahun ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 24 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

DARI PADA Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT
[PANDAN]

SOALAN

SOALAN (21)

Y.B. DATO' SRI ONG TEE KEAT [PANDAN] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan garis panduan bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk meluluskan permohonan "*gated community*". Apakah ianya telah diselaraskan dengan pihak polis. Setakat ini, berapakah PBT, khasnya dari negeri- negeri yang bukan di bawah pemerintahan BN, betul-betul melaksanakan garis panduan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Garis Panduan Perancangan *Gated Community* (GPP) telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan mengambil kira pandangan serta maklum balas dari pelbagai pihak, termasuk Polis DiRaja Malaysia. JPBD telah mengumpul pandangan dari semua pihak yang berkaitan dengan GPP ini, melalui sesi-sesi perbincangan yang diadakan dari semasa ke semasa, dan terutama sekali, mesyuarat teknikal penyediaan GPP yang telah diadakan pada 20 Februari 2009.

Sehingga kini, semua negeri di Semenanjung Malaysia telah menerima pakai sepenuhnya GPP ini, melainkan Negeri Sembilan yang menerima pakainya dengan pindaan dan negeri Selangor yang mengguna pakai garis

panduan sendiri.

Dari maklumat pemantauan yang dikumpul oleh JPBD, sehingga kini, penerima pakaian GPP ini di peringkat PBT di Semenanjung Malaysia

adalah menggalakkan. Dari sejumlah 97 PBT yang sedia ada, 47 PBT telah menerima pakainya. Di kalangan PBT ini, satu per tiga, iaitu 12 PBT (32%) adalah PBT yang berada di negeri tadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat. Manakala dua per tiga (68%), berada di negeri tadbiran Kerajaan Barisan Nasional.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2011

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN

DARIPADA

LISAN

TARIKH

TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH) 24 NOVEMBER

SOALAN

2011

: TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM (KUALA KEDAH) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan butiran terperinci perbelanjaan RM 2.2 billion sebagaimana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Julai 2011 di Guar Cempedak untuk menaik taraf Kawasan Muda (MADA) selama 10 tahun, senaraikan projek berkenaan, jumlah kos, lokasi dan tarikh jangka siap.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan YB Bandar Tun Razak pada 22 November 2011 dan YB Kuala Kedah pada 24 November 2011. Program NKEA melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada Mac 2010 adalah bertujuan meningkatkan pendapatan kasar negara. Pendapatan per kapita negara dijangka meningkat dari RM23,770 setahun kepada RM48,000 setahun menjelang tahun 2020.

Di bawah sektor pertanian, projek penanaman padi di kawasan MADA merupakan salah satu projek permulaan (*Entry Point Project*, EPP) yang telah dikenal pasti bagi menangani beberapa kelemahan yang dialami oleh subsektor padi iaitu kurangnya penanaman padi secara komersial, di mana purata pemilikan tanah oleh petani ialah 2 hektar seorang. Selain itu, sistem pengairan yang kurang baik dan kualiti tanah yang rendah telah dikenal

SOALAN NO.22

pasti sebagai kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Kelemahan-kelemahan tersebut akan mengakibatkan produktiviti yang rendah dan kebergantungan yang tinggi kepada subsidi yang diberikan oleh kerajaan.

Di dalam Program NKEA bagi Sektor Pertanian, pihak MADA terlibat di dalam EPP 10 iaitu Pengukuhan Produktiviti Tanaman Padi Di Kawasan Muda. Dua (2) skop program yang terlibat adalah:

- i) Penubuhan estet padi secara komersial dan berpusat melibatkan pembangunan projek estet padi seluas 5,000 hektar setiap tahun bermula tahun 2011 sehingga mencapai 50,000 hektar pada tahun 2020. Sasaran purata hasil padi yang ditetapkan adalah mencapai 8.0 tan/hektar (bersih) pada tahun 2020; dan
- ii) Pembangunan Sistem Pengairan Tersier. Pihak MADA bersama JPS Muda akan membangunkan sistem tersier bagi 128 blok pengairan dengan jumlah keluasan sebanyak 61,569 hektar dalam tujuh (7) fasa bermula tahun 2011 hingga 2020 melibatkan anggaran kos berjumlah RM2.2 billion.

MADA telah diperuntukkan sejumlah RM 41.8 juta bagi tahun 2011 untuk kerja-kerja rekabentuk, kerja ukur dan pengambilan tanah untuk membolehkan kerja-kerja pembinaan dimulakan pada tahun 2012.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH 24 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)
DARI PADA Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU
[BUKIT KATIL]

SOALAN

Y.B. DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh mana kelancaran pelaksanaan Akta 672 telah dikuatkuasakan. Adakah halangan-halangan yang menyebabkan pelaksanaan Akta 672 ini tidak dapat dilaksanakan dengan lancar.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2007 telah berjaya dikuatkuasakan pada 1 September 2011 di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah dan Perlis manakala bagi Wilayah Persekutuan Labuan, Terengganu dan Kelantan, Akta 672 dijangka akan dikuatkuasakan pada awal tahun 2012.

Bagi memastikan supaya penguatkuasaan Akta 672 ini berjalan lancar, Kerajaan telah mewujudkan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) sebagai agensi yang bertanggungjawab antara lain untuk menggubal dasar, perundangan, pelan strategi dan pelan tindakan.

Kerajaan juga telah menubuhkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) untuk menguatkuasa Akta 672 dan mengambil alih tugas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengenai

pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Dengan kedua-dua agensi ini, Kementerian percaya Akta 672 dapat dikuatkuasakan dengan berkesan dan tahap pengurusan sisa pepejal dapat dipertingkatkan

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

November 2011

VIO-SOAWAKJ- 2VNGr-AUM: 42

~~NO. AUP!~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PADA TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]
TARIKH 24 NOVEMBER 2011
RUJUKAN 4313

SOALAN:

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah sebenar pekerja asing yang berdaftar dan yang tidak berdaftar di negara ini. Nyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah pekerja asing yang semakin bertambah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian

yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 2,320,034 orang PATI dan pekerja asing sah telah berdaftar melalui sistem biometrik. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,303,126 (56%) adalah PATI dan seramai 1,016,908 orang (44%) pula adalah pekerja asing yang sah. Manakala, jumlah yang sebenar bagi yang tidak berdaftar tidak dapat diberikan kerana maklumat tersebut tidak diketahui.

Bentuk kawalan yang dilakukan bagi menghindari kebanjiran PATI sebelum masuk ke Malaysia adalah:

- i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;
- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan

- iv) memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan manusia di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala kawalan setelah berada dalam negara adalah:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)

TARIKH 24 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah 'gelandangan' (*homeless*) yang semakin ramai di bandar raya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius isu golongan gelandangan (*homeless*) yang berkeliaran di kawasan bandar raya. Usaha menangani masalah gelandangan ini dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan agensi-agensi kerajaan.

Bagi menangani isu golongan gelandangan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamatkan secara berkala di seluruh negara. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2011, sebanyak 541 operasi telah diadakan di mana seramai 582 orang gelandangan telah diselamatkan.

Di bawah Akta Orang-Oang Papa 1977, golongan gelandangan yang diselamatkan akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), manakala bagi warga emas yang berumur 60 tahun ke atas pula diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK). Langkah ini adalah bagi memastikan

kebajikan, kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin. Di kedua-dua Desa Bina Diri dan Rumah Seri Kenangan ini mereka akan menjalani pemulihan dan latihan kerjaya bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun. Mereka akan diberikan rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan serta bimbingan kaunseling. Selain itu, mereka juga diberikan latihan vokasional, latihan kemahiran dalam bidang pertanian dan kraf tangan, bimbingan agama dan kemudahan rekreasi.

Bagi golongan gelandangan yang mempunyai keluarga pula, mereka akan diserahkan kembali kepada keluarga masing-masing dan akan dipertimbangkan bantuan kebajikan yang bersesuaian sekiranya layak.

Selain itu, Anjung Singgah, sebuah pusat sehati intervensi bagi menangani isu golongan gelandangan (*homeless*) telah ditubuhkan oleh KPWKM di Bangunan Ehsan, Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Pusat ini yang merupakan satu projek *touch base* dengan masyarakat telah mula beroperasi semenjak 9 April 2011.

Secara amnya, pusat ini berperanan untuk mendaftar golongan *homeless* dan memberikan perkhidmatan secara holistik seperti mencari peluang

pekerjaan, mencari kemudahan perumahan serta memberi bantuan kebajikan kepada golongan *homeless* yang layak. Selain itu, pusat ini akan memberi perlindungan sementara kepada golongan *homeless* sehingga mereka dapat berdikari dan mencari tempat penginapan tetap. Pusat ini boleh juga digunakan oleh golongan *homeless* untuk membersihkan diri khususnya bagi mereka yang bakal menghadiri temuduga untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tujuan membantu mendapatkan pekerjaan kepada golongan gelandangan, pihak Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan dan syarikat swasta mengambil inisiatif mencari dan melaksanakan *job matching* bagi golongan gelandangan. Sehingga Oktober 2011, seramai 325 orang gelandangan telah mendaftar di Anjung Singgah. Daripada jumlah ini, seramai 120 orang gelandangan telah dibantu dan mendapatkan pekerjaan dengan majikan tertentu.

Kementerian dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan, NGO, pihak swasta dan anggota masyarakat yang lain akan terus memberi bantuan

kepada golongan gelandangan dengan harapan dapat membantu dan mengubah kehidupan mereka dari terus bergelandangan serta memberi peluang kepada mereka untuk meneruskan hidup secara bermaruah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: DATUKJUSLIEBINAJIROL [LIBARAN]

TARIKH: 24NOVEMBER2011

SOALAN: 26

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta PERDANA MENTERI

menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam menentukan jumlah pelajar yang dapat dihantar untuk mengikuti kursus-kursus strategik di luar negara dan bagaimanakah pemilihan tersebut dibuat, apakah jumlah ini telah ditetapkan setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Strategi dan perancangan bagi program penajaan sedia ada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengambilkira unjuran

keperluan guna tenaga dalam bidang-bidang kritikal, strategik dan keutamaan di sektor awam dan negara yang disediakan oleh agensi yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi.

Bagi mendapatkan calon yang memiliki personaliti unggul (*wholesome personality*), Jemaah Menteri pada 14 Januari 2009 memutuskan bahawa kriteria pemilihan Program Ijazah Luar Negara (PILN) bagi pelajar Lulusan SPM bukan melihat kepada kecemerlangan akademik sahaja, tetapi turut mengambil kira latar belakang sosioekonomi keluarga, kokurikulum dan temu duga berdasarkan empat kategori seperti berikut:

- (i) Kategori 1 - Biasiswa berasaskan kecemerlangan pelajar, sebanyak 20% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Untuk kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (85%), kokurikulum (10%) dan temu duga (5%). Latar belakang dan kedudukan sosioekonomi calon tidak diambil kira.
- (ii) Kategori 2 - Biasiswa berasaskan komposisi kaum, sebanyak 60% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Di bawah kategori ini, pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (75%), ko-kurikulum (10%), latar belakang sosioekonomi keluarga (10%) dan temuduga (5%). Pembahagian biasiswa adalah mengikut peratusan komposisi

rakyat Malaysia;

- (iii) Kategori 3 - Biasiswa untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak sebanyak 10% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan untuk kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan agihan 5% untuk Bumiputera Sabah dan 5% untuk Bumiputera Sarawak. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kokurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).

- (iv) Kategori 4 - Biasiswa untuk golongan *socially disadvantaged*, sebanyak 10% daripada jumlah biasiswa yang disediakan. Penajaan adalah untuk pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan dan suasana pembelajaran yang terhad dan daripada keluarga yang berpendapatan rendah. Pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik (65%), kokurikulum (5%), latar belakang sosioekonomi keluarga (25%) dan temuduga (5%).

Selain daripada Program Ijazah Luar Negara yang sering menjadi rebutan, JPA turut menawarkan biasiswa bagi pelajar cemerlang di

Institusi Pengajian Tinggi Tempatan di bawah Program Ijazah Dalam Negara (PIDN). Tawaran biasiswa ini adalah terbuka kepada semua pelajar yang memenuhi syarat yang ditetapkan tanpa mengira kaum. Kriteria pemilihan PIDN adalah berdasarkan kecemerlangan akademik 80% dan sosio ekonomi keluarga 20%.

Pemberian biasiswa JPA bagi PILN dan PIDN tidak terikat dengan satu jumlah yang ditetapkan untuk diagihkan setiap tahun sebaliknya, jumlah tersebut akan berubah mengikut bilangan biasiswa yang disediakan mengambilkira kemampuan kewangan semasa Kerajaan dan bilangan pemohon yang layak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**LISAN
Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

TARIKH

24.11.2011

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan dapat mempertimbangkan pembinaan sebuah sekolah rendah baru ditapak yang sama di Kampung Penipah, Pulau Bruit kerana keadaan sekolah rendah tersebut kini amat uzur dan amat membimbangkan dan struktur sekolah tersebut juga telah melencong sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat ke atas kemudahan pendidikan dan berusaha menyediakan prasarana yang selesa di semua sekolah seluruh negara termasuklah di kawasan Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Dewan yang mulia, dalam Laporan Program Audit Fizikal KPM tumpuan diberikan kepada membaik pulih dan menaiktaraf bangunan yang mengalami kerosakan teruk dari segi struktur atau bukan struktur dan pendawaian. Sehingga November 2011, sebanyak 23 buah sekolah di Sabah telah siap dibaikpulih dan selamat untuk diduduki.

Ahli Yang Berhormat, KPM mengambil maklum bahawa SK Penipah di Pulau Bruit adalah dalam keadaan uzur dan terdapat hakisan di luar kawasan pagar

sekolah. Walaupun sekolah berkenaan terletak di atas tapak tanah kerajaan tempatan, namun proses pengambilan tanah bagi tujuan perpindahan sekolah tersebut perlu dilakukan terlebih dahulu. Memandangkan permohonan untuk membaik pulih sekolah atau penggantian bangunan baharu ini belum dilakukan, Kementerian mencadangkan supaya projek ini diangkat oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) untuk dimasukkan dalam *Rolling Plan* yang akan datang. Sehubungan dengan itu, kedudukan dan keadaan tapak bagi tujuan bangunan baharu nanti perlu dibuat kajian terlebih dahulu dari segi kesesuaiannya sebelum dibuat permohonan kepada Kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MALAYSIA**

PERTANYAAN

DARIPADA

TARIKH

SOALAN

JAWAB LISAN

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed (Sekijang)

24 November 2011 (Khamis)

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed (Sekijang) minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan adakah Malaysia masih lagi bergantung kepada bekalan import ikan dari negara luar untuk memenuhi keperluan negara. Sekiranya ya, berikan jumlah import yang dibuat dari tahun 2007 sehingga kini dan nama negara tersebut.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua

Malaysia masih lagi bergantung kepada bekalan import ikan dari luar negara untuk memenuhi keperluan permintaan ikan negara. Berikut adalah data-data import dan eksport ikan segar, sejuk dan sejuk beku dari tahun 2007 sehingga kini.

TAHUN	EKSPORT		IMPORT	
	Kuantiti (tan metrik)	Nilai (RM)	Kuantiti (tan metrik)	Nilai (RM)
2007	103,087.63	382,066,720	309,775.90	1,116,943,769
2008	82,603.93	291,220,755	245,502.80	883,931,870
2009	65,202.30	237,744,977	245,210.66	1,039,508,273
2010	74,545.03	275,019,162	242,471.63	1,004,947,412
Tahun 2011	data	belum diperoleh dari pihak Kastam.		

Dari keseluruhan kuantiti import, Malaysia mengimport *ikan makan gred premier* sebanyak 42% dari Thailand dan 13% dari Indonesia.

Selain itu, Malaysia juga mengimport *ikan makan gred tinggi* seperti tuna dan salmon) iaitu sebanyak 5% dari keseluruhan kuantiti import dari Norway.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUBANG)
TARIKH	24.11.2011

SOALAN:

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan Barisan Nasional bercadang mengambil balik tanah 3 ekar yang mulanya diperuntukkan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Effingham di Damansara Utama yang sekarang diambil oleh pemimpin MIC.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dakwaan Kerajaan Barisan Nasional bercadang mengambil balik tanah seluas 3 ekar yang pada mulanya diperuntukkan untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Effingham di Damansara Utama, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan sekolah ini berstatus sekolah bantuan kerajaan, adalah menjadi tanggungjawab pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) untuk menyelesaikan isu tersebut dengan pihak yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]

TARIKH 24 November 2011 (Khamis)

SOALAN

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI**

menyatakan dengan berpandukan fakta-fakta kuantitatif untuk membuktikan bahawa terdapat pelaksanaan Entry Point Projects (EPP) yang telah menjana peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak sejak rancangan ETP dilancarkan.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, maklumat prestasi EPP hanya untuk peringkat nasional.

Pecahan angka kerja dan pertumbuhan mengikut negeri hanya akan diperolehi pada Mac 2012 melalui penerbitan tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, prestasi ETP di peringkat nasional diumumkan sebanyak 97 EPP dengan jumlah sebanyak RM177 billion dalam 'committed investments' yang akan menghasil sebanyak RM237 billion dalam GNI dan menjana sebanyak 389,263 pekerjaan untuk negara

No. SOALAN: 29

sehingga tahun 2020.

Seperti Yang Dipertua sedia maklum, program ETP adalah berlandaskan model ekonomi yang diterajui oleh pihak swasta. Negeri-negeri yang berada di kawasan utara Semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang dapat manfaat melalui ETP. Sebagai contohnya, terdapat industri yang teguh bagi 'National Key Economic Area' ataupun NKEA Elektronik dan Elektrik dengan peserta sektor swasta seperti Agilent Technologies.

Industri-industri lain pula adalah seperti NKEA Pertanian dengan peserta sektor swasta seperti JEFI AquaTech Resources Sdn Bhd dan di bawah NKEA 'Pemborongan & Peruncitan' pula mempunyai penglibatan sektor swasta seperti MyDin.

Sementara Kerajaan boleh mengenalpasti prestasi secara kuantitatif datang daripada pihak Jabatan Perangkaan Malaysia, Kerajaan akan memastikan pelaksanaan seboleh-bolehnya setiap bulan melalui 'Steering Committee'. Dengan ini, Kerajaan yakin bahawa negeri-negeri di kawasan Utara Semenanjung Malaysia akan dapat manfaat melalui program ETP.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN
DARIPADA**

LISAN

TUAN AZAN BIN ISMAIL [

INDERA MAHKOTA]

TARIKH

24.11.2011(KHAMIS)

**TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

menyatakan apakah kedudukan terkini situasi kenaikan harga barang dan perkhidmatan terutama selepas pengumuman beberapa item baru barangan kawalan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Semasa pelaksanaan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Hari Raya Puasa 2011 baru-baru ini, selain daripada ayam, daging lembu , daging kerbau , telur ayam , kubis bulat, cili merah, tomato, kelapa biji, kelapa parut, kacang tanah , bawang merah dan ikan kembung terdapat 2 item baru barang yang dikawal harga iaitu bawang besar dan bawang putih. Ianya telah memberi lebih pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan barangan keperluan asas harian dengan harga yang dikawal oleh Kerajaan, dan dipersetujui oleh peniaga serta mendapat

sokongan dari beberapa agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pertanian, FAMA, Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Hasil pemantauan oleh pegawai-pegawai penguakusa dan pegawai pemantau harga Kementerian ini mendapati secara keseluruhannya, sewaktu Skim diadakan, harga yang ditawarkan adalah mengikut harga yang ditentukan oleh Kerajaan malahan ada juga peniaga yang menawarkan barangan pada harga yang lebih rendah semasa pelaksanaan Skim berbanding sebelum Skim. Para pengguna juga menyatakan kepuasan hati Skim ini menerusi laporan di media kerana Skim ini telah membantu pengguna mengurangkan kos sara hidup keluarga dalam menghadapi sesuatu perayaan.

SOALAN NO.: **31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI PASIR

KAWASAN

MAS

TARIKH

24 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

**Y.B. DATO' IBRAHIM BIN ALI [PASIR MAS] minta MENTERI
KERJA RAYA menyatakan bilakah jambatan ke 2 Sultan Yahya di
Kelantan yang dinaiktaraf ke 4 lorong akan siap sepenuhnya dan akan**

SOALAN NO.: **31**

dibuka untuk kegunaan orang ramai.

J A W A P A N:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Membina jambatan Kedua Sultan Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan telah dimulakan 18 Jun 2007 dan sepatutnya siap dalam tempoh 30 bulan, iaitu pada 17 Disember 2009. Namun demikian berikutan dari masalah-masalah yang timbul di luar kawalan pihak kontraktor, projek dengan nilai kontrak semasa sebanyak RM 161.99 juta ini telah diberikan kelulusan Tempoh Lanjutan Masa (EOT), iaitu sehingga 9 Ogos 2012.

Sehingga 21 September 2011, kemajuan kerja fizikal yang dicatatkan di tapak ialah 79.1% berbanding 83.2% mengikut jadual atau bersamaan kelewatan selama 13 hari. Nilai peratusan kemajuan kerja ini adalah berdasarkan kepada graf kemajuan fizikal dan kewangan yang dicatatkan oleh wakil Penguasa Projek di tapak bina dan disahkan oleh Penguasa Projek (SO). Sehubungan itu, berdasarkan kepada kemajuan kerja di tapak dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pihak kontraktor, projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada atau sebelum 9 Ogos 2012, kecuali jika terdapat faktor-faktor di luar kawalan yang tidak dapat dielakkan seperti cuaca buruk akibat dari musim hujan yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

TARIKH 24 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran status pelaksanaan kerja pembinaan projek-projek mengikut perjanjian usahasama 1MDB - Mubadala Development Company, 1MDB - Petro Saudi Intenational, 1MDB - Qatar Investment Authority dan 1MDB - State Grid Corp of China, serta nyatakan implikasi kos setiap projek dan pembayaran-pembayaran yang telah dilakukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Memorandum persefahaman di antara 1MDB dan beberapa agensi asing mencerminkan keyakinan mereka dengan peluang ekonomi yang ada di Malaysia. Perjanjian-perjanjian ini bertujuan untuk membolehkan kedua-dua pihak meninjau dan menerokai kerjasama dalam bidang seperti sektor tenaga dan hartanah.

Kerjasama-kerjasama ini kini berada di pelbagai peringkat. Bagi projek Kuala Lumpur International Financial District, penyediaan pelan induk kini di peringkat akhir dan kerja-kerja pembinaan dijangka akan

NO. SOALAN: 34

bermula beberapa bulan lagi. Bagi pembangunan Semula Sg Besi pula, tapak lapangan terbang lama Sungai Besi telah dipindah milik kepada 1MDB daripada pemilik sebelumnya Suruhanjaya Tanah Persekutuan pada bulan Jun 2011.

Projek-projek lain juga sedang berada dalam pelbagai peringkat perkembangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH 24 NOVEMBER 2011

SOALAN 33

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan Hakim-hakim negara ini mengikut keturunannya dan kenapa tiada Hakim keturunan India di Mahkamah Persekutuan dan juga kenapa Hakim-hakim yang kanan iaitu yang lebih 10 tahun sebagai Hakim di Mahkamah Sesyen tidak dijadikan Hakim Mahkamah Tinggi.

NO. SOALAN:

I

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan Hakim-hakim mahkamah atasan di negara ini mengikut keturunan sehingga 22 September 2011 adalah seperti berikut:

Hakim-Hakim Mahkamah Atasan

		Bumiotera	Cina	India	Lain-lain
Hakim Mahkamah Persekutuan	11	10	1		
Hakim Mahkamah Rayuan	24	19	2	2	1
Hakim Mahkamah Tinggi	62	45	12	5	
Pesuruhjaya Kehakiman	32	21	8	3	
Jumlah	129	95	23	10	1

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini memang tidak ada hakim Mahkamah Persekutuan yang berketurunan india. Walaubagaimanapun, ini hanya berlaku selepas seorang hakim berketurunan India bersara pada 15 Februari 2010. Perlu dinyatakan bahawa pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan selain daripada merit dan kekananan, keturunan juga diambilkira.

3. Pada prinsipnya seseorang Hakim yang telah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Sesyen melebihi 10 tahun adalah layak dilantik sebagai Hakim di Mahkamah Tinggi sebagaimana yang termaktub di bawah Perkara 123

Perlembagaan Persekutuan, namun ia bukan satu-satunya syarat untuk

NO. SOALAN:

membolehkan beliau dilantik ke jawatan tersebut. Mereka mestilah juga memenuhi kriteria pemilihan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) dan mengambil kira keperluan serta kekosongan jawatan ketika itu. Dalam memilih calon, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman memberi perhatian dalam aspek untuk menggalakkan kepelbagaian dalam lingkungan kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam badan kehakiman tanpa mengira bangsa dan keturunan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT. MALAYSIA

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
YB DATUK DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD

KAWASAN

MUKAH

TARIKH

24.11.2011 (KHAMIS)

NO. SOALAN 34

YB DATUK DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sektor yang mana dan jumlah nilai Pelaburan Negara Asing ke Malaysia pada 2009 hingga 2010.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi" tahun 2010, sejumlah 910 proiek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM47.2 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM29.1 bilion (61.7%) merupakan pelaburan asing, manakala RM18.1 bilion (38.3%) adalah pelaburan domestik.

Lima sektor utama yang menvumbang kepada pelaburan asing pada tahun 2010 adalah :

- ① industri elektronik dan elektrik dengan nilai pelaburan sebanyak RM11.8 bilion;
- ② industri logam asas dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.6 bilion;
- ③ industri mineral bukan logam dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.2 bilion;
- ④ industri kelengkapan saintifik dan pengukuran dengan nilai pelaburan sebanyak RM2.2 bilion; dan ⑤ industri kimia dan petena dengan nilai pelaburan sebanyak RM1.7 bilion.

Bagi tahun 2009 pula, sejumlah 766 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM32.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM22.1 bilion (67.8%) merupakan "pelaburan asing, manakala RM10.5 bilion (32.2%) adalah pelaburan domestik.

Lima sektor utama yang menvumbang kepada pelaburan asing pada tahun 2009 adalah:

- industri kimia dan berasaskan kimia dengan nilai pelaburan sebanyak RM7.0 bilion;
- * industri berasaskan mineral bukan logam dengan nilai

- pelaburan sebanyak RM5.3 bilion;
- industri elektronik dan eiektrikal dengan nilai pelaburan sebanyak RM4 bilion;
- ® industri pengeluaran makanan dengan nilai pelaburan sebanyak RM934.2 iuta; dan » industri berasaskan logam fabrikasi dengan nilai pelaburan sebanyak RM775.0 iuta.

Jumlah peningkatan FDI seperti tercatat di atas didorong oleh keyakinan pelabur asing melabur dalam industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi, teknologi tinggi dan berorientasi kemahiran serta pengetahuan tinggi.

DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (SETIU)

TARIKH 24 NOVEMBER 2011 [KHAMIS]

SOALAN:

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta PERDANA MENTERI menyatakan pasangan yang bernikah di negara jiran yang telah mendaftarkan perkahwinan mereka mengikut pecahan negeri sepanjang tahun 2008 hingga 2011 serta apakah Kerajaan bercadang untuk memberikan kelonggaran tertentu terhadap cadangan berkahwin khususnya poligami di kalangan umat Islam.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

NO. SOALAN: 37

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada negeri-negeri, jumlah pasangan yang bernikah di negara jiran yang telah mendaftarkan perkahwinan mereka adalah sebanyak 2,687 pasangan pada tahun 2008, 2,386 pada tahun 2009 dan 2,879 pasangan bagi tahun 2010.

Statistik Pendaftaran Perkahwinan Yang Berlaku di Luar Negara Tahun 2008-2010

Bit	Negeri	2008	2009	2010
1	Sabah	179	134	79
2	Wilayah Persekutuan	126	215	175
3	Perak	*	*	104
4	N.Sembilan	78	83	75
5	Pahang	310	353	434
6	Perlis	106	92	73
7	Terengganu	64	73	84
8	Pulau Pinang	41	51	91
9	Kelantan	1006	741	984
10	Melaka	86	102	72
11	Johor	239	208	271
12	Selangor	*	*	241
13	Kedah	414	275	155
14	Sarawak	38	59	41
	Jumlah	2687	2386	2879

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri (CATATAN:

- Pendaftaran perkahwinan yang berlaku di luar negara sama ada mengikut peraturan dan tidak mengikut peraturan. Kebanyakan perkahwinan berlaku di Indonesia dan Thailand.
- Statistik dari Wilayah Persekutuan adalah Statistik Pendaftaran Perkahwinan yang tidak Mengikut peraturan dan berlaku di Thailand.]

Peruntukan Undang-Undang sedia ada yang telah digubal adalah memadai dengan menekankan hak-hak di pihak suami dan isteri. Kebenaran berpoligami mengambil kira faktor-faktor di pihak isteri mahupun suami dengan tujuan menjaga kebajikan isteri dan anak-anak serta ahli keluarga bagi mengelak kesulitan di kemudian hari.

Dari segi perundangan, **poligami** dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia adalah dibolehkan dengan syarat suami hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Ini diperuntukkan dalam seksyen 23(1) Akta Undang- Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Menurut seksyen 23(3) AUKI 1984, permohonan suami hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan suatu akuan. Akuan tersebut hendaklah mengandungi alasan-alasan mengapa perkahwinan poligami ini **patut dan perlu**, keadaan kewangan suami dengan memberi butir-butir komitmennya dan kewajipan dan tanggungan kewangannya yang patut ditentukan serta bilangan tanggungan termasuk orang yang akan ditanggungnya berikutan dengan perkahwinan baru yang dicadangkan. Selain dari itu pemohon juga kena menyatakan sama ada izin atau pandangan isteri atau isteri-isteri telah diperolehi mengenai perkara tersebut.

Mahkamah dalam memberi pertimbangan akan mengambil kira empat syarat kebenaran untuk berpoligami sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 23(4) AUKI 1984, iaitu :

- i. bahawa perkahwinan yang dicadangkan itu adalah **patut atau perlu**, memandangkan kepada, antara lain, hal keadaan yang berikut, iaitu, kemandulan, keuzuran jasmani, tidak layak dari segi jasmani untuk persetubuhan, sengaja ingkar mematuhi perintah untuk pemulihan hak persetubuhan, atau gila di pihak isteri atau isteri-isteri yang sedia

ada;

- ii. pemohon mempunyai kemampuan mengikut kehendak syarak untuk menanggung semua isteri dan tanggungannya termasuk orang yang bakal ditanggungnya berikutan dari perkahwinan yang baru;
- iii. pemohon berupaya memberi layanan sama rata kepada semua isteri mengikut kehendak hukum syarak; dan
- iv. perkahwinan yang dicadangkan tidak akan menyebabkan *darar syar'ie* kepada isteri.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHD. RADZI BIN SHEIKH
AHMAD[KANGAR]

TARIKH : 24 NOVEMBER 2011

SOALAN:

Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta

MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan keberkesanan program-program kesedaran masyarakat dalam penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar, khususnya sumber takungan air negara seperti sungai, tasik dan lain-lain memandangkan ianya sumber penting negara dalam memenuhi permintaan penduduk yang semakin meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melaksanakan pelbagai program kesedaran dalam usaha untuk melindungi dan memelihara sumber air negara termasuk sungai dan tasik.

Bagi memelihara kualiti air sungai dan memulihkan sungai yang tercemar, pelbagai program kesedaran diadakan. Antaranya adalah:

- i. Pelaksanaan Program Pencegahan Pencemaran dan Peningkatan Kualiti Air Sungai oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di tiga puluh tiga (33) lembangan sungai di seluruh negara yang terpilih. Kumpulan sasaran dalam program ini terdiri daripada industri, pelaksana projek pembangunan, murid sekolah dan penduduk setempat. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan termasuk dialog, seminar, ceramah, pameran, aktiviti gotong-royong dan kem kesedaran (awareness camp);
- ii. Program-program kesedaran berkaitan penjagaan sungai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) seperti Program 1 Negeri 1 Sungai (1N1S), Program JPS@Komuniti, Program *River*

SOALAN NO. : 37

Ranger, kerja-kerja pengindahan sungai dan gotong-royong;
dan

- iii. Hari Sungai Sedunia yang disambut untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan menjaga dan memelihara sungai. Pada tahun ini, Malaysia telah mengadakan sambutan ini bagi kali pertama dan ia telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 12 November 2011. Tema yang dipilih oleh Malaysia untuk sambutan ini ialah "*Sungai yang Hidup, Bersih dan Berdaya Huni*".

Bagi memberi kesedaran tentang penjagaan tasik di negara ini, Kementerian telah menyediakan Pelan Strategi Pembangunan dan Pengurusan Lestari Bagi Tasik dan Empangan Air di Malaysia. Pelan ini adalah sebahagian daripada pendekatan Pengurusan Lembangan Tasik Bersepadu (*Integrated Lake Basin Management - ILBM*). Bagi menyokong pelaksanaan pelan ini, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) di bawah Kementerian ini dan Akademi Sains Malaysia di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melaksanakan Program *Lake Brief*. Program ini melibatkan pengurus tasik dan pemilik tasik sebagai kumpulan sasaran dan mereka bertanggungjawab melaksanakan garis panduan *ILBM* ke atas tasik/empangan serta lembangannya di bawah seliaan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program-program kesedaran tersebut sememangnya telah memberi kesan positif ke atas usaha Kerajaan dalam menjaga dan memelihara sumber air negara. Sebagai contoh, berikutan pelaksanaan program 1

Negeri 1 Sungai (1N1S), kualiti air Sungai Kinta di Perak telah berjaya dipertingkatkan daripada kelas III pada tahun 2004 kepada kelas II pada tahun 2010. Begitu juga, kualiti air Sungai Galing di Pahang daripada kelas IV kepada kelas III dalam tempoh yang sama.

Sungguh pun pelbagai program kesedaran telah diadakan, namun negara kita masih menghadapi masalah pencemaran sumber air terutama pencemaran sungai. Hasil daripada pemantauan kualiti air sungai oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) ke atas 570 batang sungai di seluruh negara pada tahun 2010, didapati 51.4% sungai adalah dikategorikan sebagai bersih, 35.6% sungai adalah sederhana tercemar dan 13% sungai dikategorikan sebagai tercemar. Masalah pencemaran sungai adalah disebabkan oleh sikap tidak bertanggungjawab setengah pihak yang membuang sampah sarap dan kumbahan ke dalam sungai serta ketidakpatuhan kepada peraturan dan garis panduan yang ditetapkan dalam pelaksanaan projek pembangunan.

Justeru, Kementerian akan terus menjalankan program kesedaran dan juga meningkatkan penguatkuasaan untuk melindungi kualiti sumber air negara. Namun begitu, kerjasama dan komitmen dari semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah penting untuk memastikan sumber air negara sentiasa bersih dan mencukupi pada masa kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT**

SOALAN NO: 38

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**JAWAB
LISAN TUAN MOHD
FIRDAUS BIN JAAFAR
[JERAI]**

TARIKH

24 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kriteria sebenar yang diguna pakai untuk pemberian netbook 1 Malaysia kepada pelajar-pelajar di Daerah Yan semasa lawatan rasmi Perdana Menteri ke Kedah 28 Julai lalu sehingga menimbulkan rungutan ibu bapa yang pada mulanya terpilih untuk menerimanya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melaksanakan pengagihan Komputer Riba 1 Malaysia yang melibatkan tiga (3) fasa pengagihan. Setakat ini sebanyak 472,900 unit komputer telah diagihkan keseluruh negara yang melibatkan kos sebanyak RM473 juta.

Kriteria kelayakan penerimaan Komputer Riba 1 Malaysia adalah:

- i. warganegara Malaysia;
- ii. penerima dari golongan berpendapatan rendah yang kurang daripada RM3.000;
- iii. satu komputer riba untuk satu keluarga sahaja;
- iv. pengagihan dilakukan di kawasan kurang liputan perkhidmatan (USP);
- v. penerima haruslah memastikan penggunaan komputer riba tidak disalahgunakan dan bebas daripada penyebaran virus, kandungan berkaitan pornografi, perkauman, kebencian dan hasutan, bahan yang diharamkan, politik atau isi kandungan yang menyalahi undang-undang;
- vi. penerima perlu mempunyai langganan jalur lebar untuk setahun; dan
- vii. komputer riba yang diterima **TIDAK** boleh dijual beli.

SOALAN NO: 38

Memandangkan peruntukan Komputer Riba 1 Malaysia yang agak terhad, penyaringan senarai penerima telah dilakukan melibatkan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), sekolah-sekolah yang terlibat dan Ketua Masyarakat Setempat. Senarai ini akan diteliti oleh SKMM bagi memastikan ia mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Perincian peruntukan komputer yang telah diagihkan mengikut negeri adalah:

SOALAN NO: 38

No.	Negeri	Jumlah
1.	Sarawak	74,768
2.	Sabah	59,832
3.	Johor	71,085
4- i	Melaka	15,577
5.	Negeri Sembilan	24,494
6.	Perak	57,534
7.	Perlis	11,281
8.	Terengganu	24,782
9.	Kelantan	28,802
10.	Pahang	26,127
11.	Pulau Pinang	10,700
12.	Kedah	46,420
13.	Selangor	15,875
14.	Wilayah Persekutuan	5,623
	JUMLAH	472,900

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WEE CHOOKEONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.11.2011

Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada perkara-perkara berikut adalah sebahagian daripada AirAsia-MAS share swap:-

(a) sama ada Firefly harus membatalkan semua penerbangan semasa Hari Raya baru-baru ini dan juga semua musim perayaan pada masa hadapan mulai sekarang dan bahawa Firefly terpaksa menamatkan perkhidmatan secara kekal dari Johor ke Kuching / KK dari 15 September 2011 atau dari mana-mana destinasi; dan

(b) bahawa Firefly tidak boleh beroperasi destinasi yang sedia atau membangunkan dan/atau mengembangkan operasi atau laluan selagi dianggap berada dalam persaingan secara langsung atau tidak langsung dengan AirAsia Bhd untuk penerbangan domestik, dan dengan AirAsia X Sdn Bhd (34 peratus ekuitinya dimiliki oleh syarikat-syarikat asing dan 64 peratus dimiliki oleh syarikat-syarikat tempatan di mana Tan Sri Tony Fernandes dan rakan-rakan perniagaan beliau iaitu, Dato' Kalimullah, Datuk Kamaruddin Meranau, Lee Kian Onn mempunyai kepentingan secara langsung dengan mereka) bagi penerbangan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 9 Ogos 2011, Malaysian Airline System Bhd (MAS), AirAsia Bhd (AirAsia) dan AirAsia X Sdn Bhd (AirAsia X) telah menyertai Rangka Kerja Kolaborasi Komprehensif (CCF) bagi meneroka peluang kerjasama dalam pelbagai bidang. Susulan itu, Kumpulan MAS telah memulakan program rasionalisasi rangkaian perkhidmatannya di mana Firefly Sdn Bhd (Firefly) akan memberi tumpuan kepada operasi *turboprop* untuk perkhidmatan jarak dekat manakala MAS akan terus memberi tumpuan untuk meningkatkan penawaran perkhidmatan premium sedia ada.

Sebelum program rasionalisasi rangkaian dilaksanakan, Firefly menyediakan perkhidmatan dalam operasi *turboprop* dan jet. Bagaimanapun, perkhidmatan jet oleh Firefly perlu dihentikan dan diambil alih oleh MAS berikutan kerugian yang berterusan dalam perkhidmatan jet Firefly, iaitu sebanyak RM47 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2011. Pengambilalihan perkhidmatan jet Firefly oleh MAS dilaksanakan secara berperingkat dalam

NO SOALAN K42

tempoh dua bulan mulai 1 November 2011 hingga awal Disember 2011 dan pesawat-pesawat berkenaan kemudiannya akan digunakan semula untuk operasi MAS.

Bagi mengukuhkan operasi Firefly, kapasiti dan kekerapan perkhidmatan dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan dipertingkatkan dengan pertambahan 2 buah pesawat *turboprop*. Selain itu, MAS juga akan terus komited dalam mengendalikan semua perkhidmatan ke Kota Kinabalu dan Kuching dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur manakala MASwings Sdn Bhd akan terus menyediakan perkhidmatan ke laluan-laluan sedia ada di Sabah dan Sarawak.

Untuk memastikan jaringan rangkaian perkhidmatan Kumpulan MAS lebih kompetitif dan berdaya maju, penetapan semua laluan/destinasi Firefly akan ditentukan oleh MAS mengikut pertimbangan komersial (*commercial desicion*) dari semasa ke semasa. Dalam hubungan ini, keputusan untuk menamatkan perkhidmatan penerbangan Firefly bagi beberapa laluan termasuk dari Johor

Bahru ke Kuching dan Kota Kinabalu secara berperingkat mulai 15 September 2011 lalu merupakan sebahagian daripada program rasionalisasi rangkaian perkhidmatan MAS yang sedang dilaksanakan. Dengan termeterai CCF ini, MAS dijangka akan dapat memperbaiki prestasi kewangannya untuk menjadi sebuah syarikat penerbangan yang berdaya maju dan berupaya menghadapi persaingan di peringkat global.

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PUAN SITI ZAILAH MOHD. YUSOFF

[RANTAU PANJANG]

TARIKH

24 NOVEMBER 2011 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah belanja yang telah ditanggung oleh Kerajaan untuk semua majlis kerajaan Perdana Menteri dan isteri sejak tahun 2008 sehingga 2011 termasuk elaun pakaian, elaun 'make up' dan elaun perabot rumah setiap tahun secara terperinci dalam setiap perkara tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan bagi anggota pentadbiran adalah sebagaimana yang terkandung di dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (AKTA 237).

Kemudahan-kemudahan yang dibayar oleh Kerajaan adalah mengikut kelayakan jawatan masing-masing serta berdasarkan kadar semasa dan kemampuan kewangan Kerajaan. Apa-apa perkara selain daripada yang diperuntukkan di dalam akta berkenaan adalah tidak layak dituntut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA **NO. SOALAN:**

DARIPADA YB. TUAN SAIFUDDIN NASUTION

BIN ISMAIL (MACHANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 24.11.2011

Y.B. TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa berlaku keadaan "*under spending*" melibatkan sesetengah Kementerian, sama ada Kerajaan mengalami kekurangan bajet atau ketidakcekapan Kementerian dalam membuat perbelanjaan.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi perbelanjaan bagi belanja mengurus adalah sebanyak 104.1% (tahun 2006), 99.4% (2007), 100.2% (2008), 94.3% (2009) dan 101.7 (2010). Prestasi perbelanjaan pembangunan pula adalah sebanyak 90%, (tahun 2006), 88.97% (2007), 90.5% (2008), 91.97% (2009) dan 97.62% (2010).

Berdasarkan prestasi perbelanjaan tersebut, adalah jelas bahawa belanja mengurus tidak mengalami keadaan **under spending**. Bagi belanja pembangunan pula, berlaku *'under spending'* dalam lingkungan 10%. Walau bagaimanapun, bagi tahun-tahun tertentu ianya kurang daripada 5%. Memandangkan belanja pembangunan melibatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan, maka adalah dijangkakan ianya akan menghadapi

pelbagai isu dan masalah walaupun perancangan telah dibuat dengan teliti. Antara sebab berlakunya keadaan '*under spending*' dibawah belanja pembangunan adalah disebabkan oleh pelbagai aspek seperti isu tanah, pemilihan tapak, masalah yang dihadapi oleh kontraktor dan bencana alam seperti hujan lebat, banjir dan lain-lain.